

Kejohanan Bola Sepak 7 Sebelah 1M1S Anjuran KPM Dan Yayasan Bank Rakyat



Labuan- Kejohanan Bola Sepak 7 sebelah bawah 11 tahun Peringkat WP.Labuan anjuran Yayasan Bank Rakyat dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia telah diadakan pada 27 – 29 Ogos 2017 di padang Sk. Bukit Kalam.

Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru selaku juara mewakili WP.Labuan ke peringkat Kebangsaan tahun lalu di Johor Darul Takzim kini mengulang semula kegemilangan tersebut setelah berjaya menewaskan SK. Pantai di perlawanan akhir dengan jaringan 3 – 0. Pada perlawanan suku akhir, SK. Tanjung Aru telah berjaya menewaskan SK. Bukit Kalam dengan jaringan 3-2 juga telah menewaskan SK. Bebuloh di peringkat separuh akhir dengan jaringan yang sama. Dengan kemenangan tersebut, SK. Tanjung Aru telah menerima medal dan sijil untuk setiap pemain, piala kejohanan dan 2 set jersi. SK Tanjung Aru akan mewakili WP.Labuan ke peringkat kebangsaan yang akan di adakan di Terengganu pada bulan September ini.



Warga SK Tanjung Aru sangat berbangga dengan pencapaian ini lebih-lebih lagi semangat juang yang sangat tinggi yang ditunjukkan oleh pemain yang terdiri daripada murid-murid Tahun 5, Tahun 4 dan Tahun 3 sekolah ini. Warga sekolah juga amat berterima kasih dan sebesar-besar tahniah atas komitmen yang tinggi oleh Ustaz Rafiza Hafiz Bin Poji selaku ketua jurulatih dengan dibantu oleh jurulatih sukarelawan dari luar iaitu Saudara Norazli Bin Mohd Abdullah dan saudara Mohd Asuadi Bin Poji serta pengurus pasukan En. Bustamih Hj. Ungki.

Dalam tempoh sebulan ini, pasukan ini akan menjalani latihan intensif dan mengatur strategi terbaik agar dapat memberi saingan yang hebat kepada negeri-negeri lain di peringkat kebangsaan nanti dan dapat mengharumkan nama WP.Labuan di arena bola sepak bawah 11 tahun.



Go Go Go Go SK. Tanjung Aru...Bendera WP. Labuan di atas bahumu